

# Nelayan kurang ke laut tak jejas harga ikan

BK 13/05/23 mlc 14

**Kuala Terengganu:** Tiada kenaikan mendadak harga ikan walaupun kebanyakan nelayan tidak ke laut disebabkan keadaan cuaca panas dan angin kencang sejak beberapa hari lalu.

Tinjauan di beberapa pasar awam di sekitar bandar raya ini mendapati, harga ikan selang dijual antara RM10 hingga RM14 sekilogram (kg) bergantung saiz.

Harga sotong pula turun antara RM5 hingga RM7 sekilogram berbanding RM38 dan RM42 bulan lalu. Harga sotong ketika ini antara RM20 hingga RM34 sekilogram bergantung saiz.

Beberapa peniaga di Pasar Cabang Tiga, di sini, mengakui penurunan harga sotong disebabkan nelayan tempatan beralih kepada aktiviti penangkapan dan mencandat sotong, terutama waktu malam di negeri ini.

Tinjauan juga mendapati, ikan cermin dijual RM30 hingga RM35 sekilogram, tenggiri (RM42), merah (RM45), kerisi (RM20), cencaru (RM14) dan tongkol antara RM13

hingg RM16 sekilogram.

Ikan bawal antara RM28 dan RM30, selar RM18 hingga RM20 sekilogram serta kerisi RM20.

Bagaimanapun, berlaku kenaikan harga antara RM3 hingga RM5 bagi udang galah kolam dan udang harimau apabila dijual antara RM36 hingga RM55 sekilogram.

Peniaga ikan, Abdul Jusoh Saad, 43, berkata tiada kenaikan harga ikan walaupun sebahagian nelayan tidak turun ke laut, terutama pada siang hari.

Katanya, bekalan pelbagai jenis ikan melainkan sotong diperoleh daripada nelayan di Perlis, Perak dan Kedah.

"Ikan kumbang kurang di pasaran kerana nelayan pukat jerut tidak ke laut pada siang hari disebabkan fenomena cuaca panas ketika ini.

"Harga pelbagai jenis ikan jangka turun antara RM3 hingga RM5 sekilogram jika ada nelayan pukat jerut ke laut, terutama pada malam hari," katanya.



**Tiada kenaikan mendadak harga ikan di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu walaupun nelayan tidak ke laut.**

(Foto Baharom Bakar/BH)